



Petua 8 usahawan

Dedah peluang pelbagai
bidang perniagaan »3

KONGSI TIP KEJAYAAN

Lapan usahawan terkemuka beri panduan kepada 100 pelajar UCSI University

Oleh Nor Hanisah
Kamaruzaman

Lapan usahawan terkemuka dari pelbagai sektor berkongsi panduan, rahsia dan resipi kejayaan masing-masing dengan 100 pelajar UCSI University pada Persidangan Pengalaman Keusahawanan Pelajar Malaysia 2015, minggu lalu.

Persidangan dua hari anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni universiti itu yang turut mendapat sokongan Kementerian Pendidikan bertujuan mendedahkan peserta dengan pengalaman dalam dunia kerjaya apabila mereka menamatkan pengajian kelak.

Antaranya, peserta didedahkan mengenai peluang menjadi usahawan dalam pelbagai bidang per-

niagaan bagi mengelakkan mereka hanya tertumpu dalam sektor pekerjaan semata-mata.

Persidangan itu juga bertujuan membentuk minda keusahawanan dalam kalangan siswa seperti digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 - 2025.

Perasmian persidangan dilakukan Naib Canselor dan Presiden UCSI University Prof Datuk Dr Khalid Yusoff. Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan 2 Senator Ching Sin Woon.

Prof Dr Khalid berkata, UCSI University turut bekerjasama dengan Universiti Harvard dan Universiti Melbourne bagi membuka minda pelajar untuk berge-

lar usahawan.

Pengasas dan Pengerusi Kumpulan UCSI, Datuk Peter Ng yang turut memberi ucapan memberi inspirasi kepada pelajar mengenai pengalaman UCSI University yang bermula dengan nilai keusahawanan dalam dirinya.


"Banyak cara dapat menyimpulkan kisah permulaan UCSI tapi asasnya ialah keberanian, integriti, kesungguhan dan kualiti yang digabungkan dalam satu proses iaitu keusahawanan," katanya.

Program dibahagikan kepada lapan sesi dengan setiap sesi diberikan kepada setiap usahawan yang dijemput untuk mendedahkan tip kejayaan masing-masing, seterusnya

berinteraksi dengan pelajar dalam sesi soal jawab.

Usahawan yang dijemput ialah Pengarah Urusan iTalent Management Victor Phang, Ketua Pegawai Eksekutif Gapture Malaysia Sdn Bhd Stanley Chee, Pengasas dan Pengarah Urusan REDtone International Berhad Datuk Wei Chuan Beng, Pengarah Urusan HerbaLine Facial Spa Low Chee Kwong, Pengasas Miracle Hair Expert Datuk Bryan Tay.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif Avante Sdn Bhd Faizal Ahamed, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Asian Healthcare Sdn Bhd Datuk Chevy Beh dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Exabytes Chan Kee Siak.



PELAJAR turut serta dalam lapan sesi.